

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan meninjau kajian-kajian yang pernah dijalankan tentang hubungan di antara pencapaian akademik dengan persekitaran rumah tangga yang meliputi aspek persekitaran rumah tangga , taraf status sosioekonomi dan corak asuhan ibu bapa.

2.1 Pencapaian akademik dan persekitaran rumah tangga

Persekitaran rumah tangga yang kondusif merupakan aspek penting yang dapat membantu proses pembelajaran anak-anak. Fraser (1959) yang membuat kajian terhadap 400 orang pelajar di Aberdeen yang berumur antara 12 ½ dan 13 ½ tahun mendapati 4 aspek dalam persekitaran rumah tangga yang mempengaruhi pencapaian dan tahap kecerdasan pelajar ialah tahap pendidikan ibu bapa dan budaya membaca ibu bapa , pendapatan dan pekerjaan ibu bapa, saiz keluarga, sikap ibu bapa terhadap pendidikan dan dorongan ibu bapa .

Kajian Douglas (1964) ke atas kanak-kanak di Great Britain yang mempunyai kedudukan SSE yang rendah mendapati faktor kemudahan material di rumah mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah. Menurutnya pencapaian pelajar dan kejayaan pelajar dari segi markah ujian (test score) didapati lebih

rendah bagi mereka yang datang dari persekitaran rumah tangga yang tidak memuaska seperti terlalu sesak, berkongsi bilik tidur dengan adik-beradik serta berkongsi tandas dan bilik mandi dengan ahli keluarga lain.

Persekitaran rumah tangga yang kondusif juga merangsang kepada perkembangan kognitif anak-anak. Ini berdasarkan kajian Bradley, Caldwell & Rock (1988) ke atas 42 oarang subjek yang berumur 2 tahun dan kemudian semasa mereka berumur 10 tahun telah menunjukkan wujudnya korelasi signifikan antara persekitaran rumah dengan keputusan pencapaian akademik. Persekitaran kondusif di sini adalah seperti kesediaan ibu bapa menyediakan alat tulis,buku dan kemudahan untuk mempertajamkan intelek anak-anak. Dalam kajian ini Bradley et.al menekankan kepada sokongan dan tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan bahan rangsangan untuk menggalakkan perkembangan dan proses pembelajaran anak-anak.

Dalam konteks kajian di Malaysia,terdapat beberapa kajian berkaitan dengan persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik yang telah dijalankan antaranya kajian Keciciran 1973 yang bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab berlakunya keciciran yang tinggi di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Kajian ini mendapati 12.4% sahaja pelajar yang tercicir di sebabkan oleh faktor SSE dan kemiskinan manakala yang lain adalah disebabkan oleh faktor nilai kumpulan, sikap terhadap pelajaran sains, ekspektasi ibu bapa,dorongan terhadap pelajaran serta keadaan sekolah yang dihadiri. Kajian ini juga menunjukkan prestasi kanak-kanak dari luar bandar dan kawasan miskin di

bandar dan setinggan mempunyai prestasi yang rendah dan berkemungkinan tercicir.

Kajian T.Marimuthu (1975) mengenai kanak-kanak Tamil di Semenanjung Malaysia juga menunjukkan bahawa persekitaran rumah tangga memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian murid-murid di sekolah .

Hussein (1979) pula mengenal pasti empat faktor dalam persekitaran rumah tangga yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu kerapatan hubungan dengan ibu bapa,kawalan ibu bapa,minat ibu bapa dan jangkaan ibu bapa. Faktor ibu bapa didapati memberi kesan penting kepada indeks pencapaian pelajar Melayu,Cina dan India dalam keputusan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Aziz (1990) yang mengkaji hubungan di antara pencapaian pelajar Melayu dengan penglibatan ibu bapa dan motivasi diri mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedua aspek ini . Gan (1980) juga mendapati kebolehan pelajar menguasai mata pelajaran sains mempunyai hubungan dengan persekitaran rumah. Bibi Jan (1992) juga mendapati persekitaran rumah tangga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik berbanding faktor guru dan rakan sebaya. Kajian Yap (2000) mendapati hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pelajaran anak-anak. Dalam kajiannya kumpulan pelajar yang mendapat pencapaian tinggi mempunyai ibu bapa yang bersikap mendorong.

Pengkaji-pengkaji lain seperti Camp (1990), Hagekull & Bohlin (1995), Alexander, Entwisle & Horsey (1997) juga bersetuju bahawa persekitaran rumah tangga yang kondusif dan sikap positif ibu bapa dalam memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak boleh membantu meningkatkan pencapaian mereka. Ini disokong oleh Powell, Peet & Peet (2002) yang mendapati persekitaran rumah yang kondusif dan sikap ambil berat ibu bapa terhadap anak-anak boleh mengelakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti di luar rumah yang bersifat negatif.

2.2 Pencapaian akademik dan taraf sosioekonomi

Taraf sosioekonomi biasanya dikaitkan dengan kekayaan kebendaan di rumah dan mempunyai hubung kait dengan pendapatan ibu bapa. Semakin tinggi taraf SSE seseorang ketua keluarga itu maka semakin mampu ia membeli dan menyediakan kemudahan pembelajaran di rumah (Taha, 1977). Marimuthu (1975) menyatakan bahawa kelemahan pencapaian pelajaran di sekolah disebabkan oleh keadaan kemiskinan dan kekurangan kebendaan di rumah. Beliau menggunakan istilah 'angkubah penghalang' untuk menggambarkan keadaan kemiskinan yang menyebabkan berlakunya kecacatan (*retardation*) dalam kemajuan pelajaran murid-murid. Justeru, murid-murid yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah ini akan berasa ketinggalan dan mungkin mengalami kegagalan.

Faktor kemiskinan yang mempengaruhi pencapaian akademik di sekolah, menurut Banks (1987) berkemungkinan disebabkan oleh gaji yang rendah, pengangguran atau kehilangan orang yang menjadi punca pendapatan. Menurut Banks lagi, makanan yang tidak berkhasiat dan cara hidup yang miskin boleh mempengaruhi kesihatan seseorang kanak-kanak dan secara langsung mempengaruhi kemampuannya untuk belajar. Kajian Ishak Haron (1977) telah merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara SSE dengan pencapaian akademik masyarakat majmuk di Semenanjung Malaysia. Kekuatan perhubungan adalah berbeza antara tiga kaum iaitu kaum India mempunyai perkaitan yang terkuat sekali berbanding kaum Melayu dan Cina. Kaum India dalam kajiannya mempunyai kesedaran status yang tinggi berbanding kaum lain.

Kajian Alexander, Entwisle dan Dauber (1993) mendapati kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan rendah tidak berpeluang memasuki pra-sekolah kerana ketidakmampuan ibu bapa mereka. Menurut mereka pendidikan pra-sekolah membantu proses pembelajaran kanak-kanak apabila mereka memasuki tahun satu. West, Denton dan Reaney (2000) mendapati kanak-kanak yang datang dari keluarga berpendapatan rendah cenderung berisiko menghadapi kesukaran dalam pelajaran. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan pembelajaran di rumah mendorong mereka cenderung berada di luar rumah dan terlibat dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Kajiannya disokong oleh Powell, Peet & Peet (2002) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik dengan SSE. Kajian mereka juga mendapati aktiviti selepas

sekolah bagi kanak-kanak daripada SSE yang rendah adalah informal seperti perlumbaan basikal, menonton televisyen dan bermain dengan anak jiran manakala anak SSE yang lebih tinggi akan didaftar dalam aktiviti sosialisasi yang formal seperti kelas renang, kelas tarian gimnastik dan komputer.

Dalam konteks kajian di Malaysia, faktor SSE bukanlah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar. Kajian Bibi Jan (1992) mendapati SSE merupakan peratusan kecil sahaja berbanding dengan dorongan dan motivasi daripada ibu bapa. Kajian Musa dan Asmawati (1994) terhadap pelajar-pelajar Felda tahun enam mendapati aspek SSE tidak mempengaruhi pencapaian akademik berbanding tiga aspek yang dikenalpasti iaitu komunikasi ibu bapa dengan anak-anak, orientasi nilai kasih sayang ibu bapa, dan orientasi nilai takdir ibu bapa.

2.3 Cara asuhan dan sikap ibu bapa

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa murid-murid yang berjaya tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi tetapi mereka menunjukkan minat dan sikap positif terhadap pelajaran dan masa depan anak-anak (Lum, 1969). Sikap positif ibu bapa yang demikian dapat mendorong anak-anak memperolehi pencapaian yang baik dalam pelajaran (Marimuthu, 1971; Morrison dan McIntyre, 1973).

Sikap ibu bapa boleh dilihat dari segi minat, galakan, sokongan dan aspirasi mereka terhadap anak-anak. Iverson & Walberg (1982) dalam kajiannya

mendapati kanak-kanak yang mendapat pencapaian yang tinggi biasanya datang dari keluarga yang mempunyai aspirasi terhadap pendidikan sejak dari awal lagi. Aspirasi yang tinggi terhadap pendidikan ini membantu perkembangan kognitif dan keupayaan intelektual anak-anak. Segimer (1980) juga mendapati ibu bapa yang sering mengambil tahu perkembangan anak-anak di sekolah dan sentiasa memeriksa kerja rumah anak-anak boleh membantu meningkatkan pencapaian anak-anak mereka. Kajian ini selaras dengan kajian Douglas (1964) yang mendapati ibu bapa yang datang dari kelas menengah lebih menaruh minat yang tinggi terhadap kemajuan anak-anak mereka di sekolah berbanding ibu bapa daripada kelas pekerja buruh. Kajian Lum (1969) juga bersetuju bahawa sikap dan minat yang positif terhadap pelajaran dan masa depan anak-anak boleh membantu meningkatkan pencapaian. Lum juga mendapati kebanyakan ibu bapa pelajar yang berjaya bukan semua mempunyai taraf pendidikan yang tinggi tetapi mereka mempunyai aspirasi terhadap pendidikan.

Sementara itu, kajian Hess dan Shipman (1965) telah menunjukkan jumlah masa untuk membaca kepada anak memberi kesan yang penting terhadap perkembangan intelektual dan kognitif anak-anak.

Steinberg (1996) dalam kajiannya pula menegaskan perlunya ibu bapa menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak sekolah dengan meluangkan masa untuk menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah. Cara ini membantu guru untuk mengenal pasti masalah pelajar.

Kajian Musa dan Asmawati (1994) ke atas murid-murid tahun enam di tiga buah sekolah rendah di Tanah Rancangan FELDA mendapati tiga aspek yang mempunyai hubungan dengan pencapaian murid-murid dalam UPSR iaitu komunikasi ibu bapa dengan anak, nilai takdir, dan nilai kasih sayang. Komunikasi yang berkesan dan hubungan yang mesra dapat membina suasana rumah tangga yang harmoni. Keadaan ini mendorong anak-anak belajar dengan bersungguh-sungguh. Dalam kajian ini didapati kebanyakan ibu bapa mempunyai fahaman nilai takdir yang negatif. Mereka percaya bahawa takdir adalah sesuatu yang ditentukan sejak lahir dan oleh itu tidak perlu untuk mengubahnya. Dalam aspek nilai kasih sayang pula didapati kebanyakan ibu bapa di FELDA beranggapan bahawa untuk memberi kasih sayang kepada anak-anak memadai dengan memberi makanan yang baik, wang yang cukup dan tempat tinggal yang selesa sahaja. Keadaan ini menyebabkan anak-anak mereka leka dan tidak mahu menggunakan fikiran. Sikap negatif dari ibu bapa ini sudah tentu akan meninggalkan kesan negatif dalam sikap anak terhadap pelajaran.

Muller dan Kerbow (1993) mendapati ibu bapa kanak-kanak Asian - Amerika yang menggunakan pendekatan pasif dan enggan melibatkan diri secara aktif dalam pendidikan anak terutama dalam lingkungan usia 11 tahun boleh menyebabkan anak-anak ini terumbang-ambing untuk mencari arah dan tujuan hidup. Keadaan ini membawa kepada kegagalan di sekolah. Kajian ini disokong oleh Campbell dan Verna (2002) yang bersetuju bahawa bapa sebagai ketua keluarga terutamanya harus lebih aktif dalam melibatkan diri dan meluangkan

masa bersama anak di rumah terutama terhadap anak-anak dalam lingkungan usia 8 hingga 10 tahun. Sikap positif dan mengambil tahu ini dapat meningkatkan pencapaian anak-anak dan menambahkan kecekapan kognitif mereka.

Patten (2000) menyarankan perlunya persekitaran keluarga yang harmoni dan ruang untuk anak-anak mengeluarkan pendapat dan pandangan. Menurutnya pencapaian anak-anak dapat ditingkatkan jika ibu bapa dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Kajian Mulkey, Crain & Harrington (1992) mendapati pelajar yang datang dari keluarga yang ibu bapanya telah berpisah mendapat gred yang rendah dalam ujian yang dijalankan ke atas mereka berbanding pelajar yang mempunyai kedua-dua ibu bapa. Pelajar-pelajar ini didapati sering tidak hadir ke sekolah dan tidak menyiapkan kerja rumah mereka. Mereka juga cenderung melibatkan diri dalam aktiviti negatif di luar rumah dengan rakan sebaya. Keadaan ini berlaku kerana pelajar-pelajar ini tidak dikawal oleh ibu bapa sepenuhnya. Pong (1998) yang mengkaji tahap kecerdasan matematik dan kemahiran membaca juga mendapati pelajar yang mempunyai ibu bapa yang telah berpisah menunjukkan pencapaian yang rendah dalam ujian yang dijalankan.

Berhubung dengan sikap dan nilai positif ibu bapa ini, pengkaji - pengkaji seperti Dornbush, Ritter & Steinberg (1991); Campbell & Wu (1991), dan Patrikakou (1997) juga bersetuju bahawa aspirasi dan dorongan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak merupakan faktor pendorong kepada kejayaan anak-anak.

Daripada kajian-kajian di atas jelas menunjukkan bahawa persekitaran rumah tangga dan corak asuhan ibu bapa memainkan peranan yang penting dan menjadi faktor yang menentukan kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar. Dalam konteks kehidupan hari ini yang semakin mencabar dan keperluan sumber tenaga manusia yang tinggi, sesuatu formula harus dicari untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar di Malaysia.

Justeru, tanggung jawab ini tidak harus dibebankan di bahu guru-guru dan sekolah sahaja tetapi ibu bapa harus bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan anak-anak mendapat keperluan dan kemudahan pendidikan yang sempurna. Dorongan dan motivasi juga adalah antara faktor pembantu yang penting dan tidak harus dipandang ringan oleh ibu bapa.